

25/11/1999

Bezakan antara fitnah dengan budi: Sanusi

LANGKAWI, Rabu - Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, hari ini menyifatkan pilihan raya umum kali ini adalah pemilihan rakyat untuk membezakan di antara fitnah dan budi.

Menurutnya, pilihan raya kali ini juga adalah di antara keamanan dan kekacauan, dengan itu, rakyat perlu melakukan pilihan yang tepat jika mahu memastikan negara terus pesat membangun dan sistem keadilan dikekalkan.

Tanpa budi dan keamanan, katanya, pelancong dan pelabur sudah pasti tidak akan datang ke negara ini untuk berbelanja dan melabur, sekali gus mewujudkan peluang kerja lebih banyak untuk rakyat.

"Budi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pembangunan negara adalah tidak ternilai. Kalau ada benda (projek) nak buat, beliau berunding dulu dengan pakar.

"Itu pun cerita fitnah mengenai Dr Mahathir dan saya keluar macam-macam. Antaranya saya difitnah ada tiga isteri dan ada yang percaya saya bernafsu cukup kuat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan pertemuan dengan warga polis di Dewan Besar, Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi, di sini. Hadir sama, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib.

Bercakap dalam rancangan khas `Bersama MB', menerusi Radio Tiga Langkawi, Sanusi berkata, pakatan barisan alternatif tidak ikhlas tanpa formula khusus untuk perpaduan.

Yang jelas, katanya, barisan alternatif tiada rancangan kerana mereka hanya mahu Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri dan itu adalah sesuatu yang tidak mungkin kerana parti pembangkang tidak akan berjaya menubuhkan kerajaan.

"Kita tahu mereka tidak ada program. Yang ada ialah mencerca dan memfitnah kita yang difikir boleh menguntungkan mereka di segi politik. Itu mereka buat," katanya.

(END)